

17 APRIL 2018

Dua lelaki Thailand dicekup

SINAR HARIAN • SELASA 17 APRIL 2018

37

SETEMPAT

Dua lelaki Thailand dicekup

**Ditahan bersama
1,600 biji pil
kuda**

ROSALWANI CHE SOH

TANAH MERAH

Tindakan dua lelaki warga Thailand disyaki pengedar dadah yang cuba melarikan diri dari serbuan polis akhirnya tumpas selepas berjaya ditahan dalam serbuan di hadapan masjid di Batu Gajah Sabtu lalu.

Dalam serbuan jam 10 malam itu, suspek berusia 23 hingga 26 tahun yang menunggang motosikal dalam keadaan mencurigakan dikatakan mencampakkan bungkusan plastik hitam yang mengandungi lapan paket pil

methamphetamine (pil kuda) selepas menyedari pergerakan mereka diekori polis.

Ketua Polis Daerah Tanah Merah, Deputy Superintendan Suzaimi Mohamad berkata, walaupun kedua suspek cuba melarikan diri dan bergelut dengan anggota polis, namun akhirnya mereka berjaya ditahan hasil kecekapan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tanah Merah.

"Kesemua dadah berjumlah 1,600 biji yang bernilai RM 16,000 itu dirampas dan kedua-duanya ditahan untuk tindakan susulan.

"Salah seorang suspek berusia 26 tahun pernah terlibat dalam kes penyalahgunaan dadah tahun lalu manakala seorang lagi berusia 23 tahun tidak mempunyai rekod lampau," katanya.



Suzaimi (kanan) menunjukkan sebahagian pil yang dirampas dalam serbuan Sabtu lalu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang media di IPD Tanah Merah di sini, semalam.

Suzaimi berkata, kedua-

duanya ditahan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang boleh membawa hukuman gantung mandatori.

"Kedua-duanya positif metamphetamine selepas ujian saringan urin dijalankan ke atas mereka dan ditahan reman selama se-

info Nilai rampasan dadah berkenaan dianggarkan berjumlah RM16,000

minggu bermula kelmarin. "Kita telah mengesan pergerakan kedua-duanya sejak sebulan lalu yang aktif menjalankan kegiatan terbit sekitar bandar Tanah Merah," katanya.

Suzaimi berkata dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, pihaknya melakukan empat tangkapan melibatkan kes dadah di bawah seksyen 39B, di daerah ini.

"Kita akan teruskan usaha bagi mengekang kegiatan penagihan serta terus mengempur kawasan dikenal pasti dalam usaha mengekang aktiviti terbit di daerah ini," katanya.